



ISMAIL SABRI YAKOB menyampaikan anugerah kepada Dr. Ashraf Abdul Rahman, penerima Anugerah Mengenang Jasa (AMJ) Persidangan Veterinar Pan-Komanwel Kali Keenam Persatuan Kongres ke-27 Persatuan Veterinar Malaysia di Royale Chulan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

Akta Kebajikan Haiwan bakal dibentang

KUALA LUMPUR 23 Mac - Akta Kebajikan Haiwan 2015 akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat sebagai langkah memperkuuhkan pengurusan serta pemeliharaan haiwan dan bintang ternakan di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, akta tersebut akan meliputi kebajikan haiwan ternakan dan peliharaan.

"Akta berkenaan telah pun dilengkapkan dan kita akan membuat bacaan pertama di Parlimen tidak lama lagi.

"Akta ini diwujudkan bagi menjaga kebajikan haiwan termasuk kezaliman seperti tidak diberi makan serta kesalahan menyediakan kurungan terlalu kecil dengan

peruntukan denda serta hukuman penjara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Veterinar Pan-Komanwel Kali Keenam Persatuan Veterinar Komanwel dan Kongres Ke-27 Persatuan Veterinar Malaysia di sini malam ini.

Yang turut hadir Presiden Persatuan Veterinar Malaysia, Dr. S. Paul Chelliah dan Presiden Persatuan Veterinar Komanwel, Prof. Dr. Abdul Rahman Sira.

Persidangan selama lima hari itu disertai lebih 400 doktor veterinar dan saintis dari 55 negara anggota Komanwel yang bertujuan memperluas jaringan kerjasama dalam usaha memperkasa industri dan kebajikan haiwan di peringkat antarabangsa.

Menurut Ismail Sabri, persidangan tersebut penting bagi mengumpulkan cadangan serta merancang pelan strategik utama berkenaan aspek veterinar dan industri kebajikan haiwan untuk diimplementasikan oleh setiap negara anggota terlibat.

"Persidangan yang melibatkan 80 kertas kerja saintifik daripada pembentang terkemuka ini memberi manfaat besar dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah jaminan bekalan makanan, pengurusan bencana dan kawalan penyakit.

"Persidangan ini juga merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada Malaysia kerana menjadi negara pertama mewakili rantau Asia Pasifik sebagai tuan rumah," katanya.